

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Essential Elite SaverPlus

Ini adalah produk insurans

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Essential Elite SaverPlus. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan simpanan dan perlindungan insurans untuk <Tempoh> tahun. Polisi ini menyediakan bayaran tunai terjamin pada setiap dua (2) tahun dan semua premium yang dibayar untuk pelan asas akan dikembalikan pada tarikh kematangan, sekiranya polisi ini masih berkuat kuasa. Polisi membayar satu bayaran sekali gus atas kematian atau apabila Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh polisi.

Polisi ini tidak menyertai dalam pengagihan untung Syarikat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- i. Bayaran Tunai Terjamin - 4% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan akan disediakan pada setiap dua (2) tahun bermula daripada akhir tahun kedua selagi polisi ini masih berkuat kuasa;
- ii. Manfaat Kematangan - Semua premium yang dibayar untuk pelan asas akan dikembalikan pada tarikh kematangan.
- iii. Manfaat Kematian/ Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal* (HUMK)

Tahun Polisi	Kematian/ HUMK (akibat daripada kemalangan)	Kematian/ HUMK (akibat daripada sebab-sebab lain bukan kemalangan)
Tahun 1 dan 2	Jumlah premium pelan asas diterima terkini dikembalikan	
Tahun 3 dan seterusnya	200% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan (Hayat Piawai) 100% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan atau jumlah premium pelan asas diterima terkini mengikut mana-mana yang lebih tinggi (Hayat tidak Piawai)	200% daripada Jumlah asas yang Diinsuranskan pelan asas sebagai pembayaran tambahan.

Nota*

- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal terhenti apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun.
- Jumlah maksimum Diinsuranskan bagi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal adalah tertakluk kepada RM1 juta bagi setiap polisi dan RM2 juta di bawah semua polisi bagi orang yang sama.

Tempoh: Sehingga kematian atau pembayaran penuh manfaat TPD atau kematangan polisi pada tahun polisi <Tempoh> yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium* yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium yang anda perlu bayar adalah:

RM	<Jumlah>	setiap tahun
RM	<Jumlah>	setiap setengah tahun
RM	<Jumlah>	setiap suku tahun
RM	<Jumlah>	setiap bulan

Tempoh premium: <Tempoh> Tahun

***Sila rujuk ilustrasi jualan dalam muka surat 2 untuk anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.**

Nota:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas setiap tarikh genap tempoh premium. Premium harus dibayar sebelum tamat tempoh tersebut.
- Premium adalah terjamin.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Premium Asas berikut:

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
7	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
8	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
9	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
10	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari setelah polisi ini dihantar. Premium yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kematian
 - Bunuh diri semasa tahun pertama polisi; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami ketika melibatkan diri dalam pertandingan kepantasan dan ketahanan yang merbahaya;
 - Mana-mana aktiviti udara (kecuali mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk membawa penumpang menerusi jadual perjalanan komersil yang ditetapkan);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik;
 - Kemalangan yang berlaku atau hilang upaya yang timbul sebelum Tarikh Permulaan atau Pengembalian Semula perlindungan Polisi ini;
 - Rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti pengganas;
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Manfaat Kematian disebabkan Kemalangan
 - Apa-apa Kemalangan yang berlaku sebelum kami menerima premium modal penuh pertama diperlukan;
 - Apa-apa bentuk penyakit atau penyakit dalam apa jua bentuk dan apa jua sebab;
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami ketika melibatkan diri dalam pertandingan kepantasan dan ketahanan yang merbahaya;
 - Mana-mana aktiviti udara (kecuali mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk membawa penumpang menerusi jadual perjalanan komersil yang ditetapkan);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik; atau
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan.
- Manfaat HUMK disebabkan Kemalangan
 - serangan atau pembunuhan;
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti keganasan; atau
 - mengandung atau bersalin.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda boleh luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan akan banyak kurangnya daripada keseluruhan premium yang telah anda bayar. Polisi ini hanya memberi nilai serahan selepas ia telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 3 tahun penuh.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua aktiviti suratmenyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.

Tiada.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN DIRI ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN PIHAK SYARIKAT SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 27/05/2025.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Personal Accident Rider

Ini adalah produk insurans

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Personal Accident Rider. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Rider ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kehilangan upaya kekal atau kematian disebabkan oleh peristiwa yang ganas, akibat kemalangan, dan dapat dilihat. Rider ini membayar manfaat kematian sekali gus jika kematian berlaku dalam tempoh 180 hari dari kemalangan dan peratusan tertentu daripada Jumlah yang Diinsuranskan jika kehilangan upaya kekal berlaku kepada Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh 180 hari dari masa kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- i. Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan - Tambahan <Jumlah> akan dibayar
- ii. Hilang upaya kekal akibat kemalangan - sehingga <Jumlah>, rujuk kepada jadual berikut:

No	Jadual Indemniti	% daripada manfaat PA
1	Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%
2	Kelumpuhan Menyeluruh	100%
3	Kecederaan menyebabkan terlantar di katil selama-lamanya	100%
4	Hilang lengan atau tangan pada pergelangan tangan atau kaki (kedua-dua belah)	100%
5	Hilang keempat-empat jari dan ibu jari (kedua-dua belah tangan)	100%
6	Hilang keempat-empat jari dan ibu jari (sebelah belah tangan)	70%
7	Hilang keempat-empat jari (kedua-dua belah tangan)	80%
8	Hilang keempat-empat jari (sebelah belah tangan)	40%
9	Hilang ibu jari (satu atau kedua-dua belah falanks)	30%
10	Hilang setiap jari (satu falanks atau lebih)	10%
11	Hilang kaki pada pergelangan kaki (kedua-dua belah)	100%
12	Hilang kaki pada pergelangan kaki (sebelah)	50%
13	Hilang setiap jari kaki (satu falanks atau lebih)	5%

Tempoh: Sehingga pembayaran penuh Jumlah yang Diinsuranskan atau kematangan rider ini pada tahun polisi, <Tempoh> tahun.

Nota:

- Jumlah maximum Personal Accident Rider yang boleh dilampirkan adalah tertakluk kepada satu (1) bagi hayat yang sama.
- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan terhenti apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun.

3. Berapakah premium* yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium yang anda perlu bayar adalah:

RM	<Jumlah>	setiap tahun
RM	<Jumlah>	setiap setengah tahun
RM	<Jumlah>	setiap suku tahun
RM	<Jumlah>	setiap bulan

Tempoh Premium: <Tempoh> tahun

* Sila rujuk ilustrasi jualan dalam muka surat 1 untuk anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.

Catatan:

- Rider ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas setiap tarikh genap tempoh premium. Premium harus dibayar sebelum tamat tempoh tersebut.
- Premium adalah terjamin.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Personal Accident Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari setelah polisi ini dihantar. Premium yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian yang disebabkan oleh peristiwa-peristiwa berikut:

- perang yang diisytiharkan atau tidak, mogok, perang saudara atau apa-apa operasi perang;
- strok haba atau strok matahari;
- hemia;
- tak siuman;
- jangkitan ptomaina atau bakteria kecuali jangkitan piogen yang berlaku dengan dan melalui luka kemalangan;
- racun, gas, wasap yang diambil diberi, diserap atau disedut dengan sengaja atau tidak sengaja);
- apa-apa penyakit atau sakit, kehamilan atau kelahiran anak;
- apa-apa kehilangan atau hilang upaya yang disebabkan oleh Orang yang Diinsuranskan yang berada dalam keadaan mabuk atau penyalahgunaan dadah;
- terlibat dalam serangan yang dihasut;
- apa-apa kerugian atau hilang upaya dipertingkatkan atau dipercepatkan oleh Kemalangan;
- berlumba kenderaan secara haram;
- sengaja mendedahkan dirinya kepada bahaya yang tidak perlu;
- mengendalikan pengangkutan udara atau semasa memasuki atau menaiki atau turun atau jatuh dari pengangkutan tersebut melainkan seperti yang diperuntukkan di bawah syarat Tanggung Rugi Penerbangan Penumpang dalam Rider;
- melakukan feloni; atau
- berkhidmat dalam tentera atau tentera laut semasa perang yang diisytiharkan atau tidak di bawah perintah operasi perang atau mengembalikan ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, rider ini akan luput.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua aktiviti surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Talian AM	: 03-2059 6188
Faks	: 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan	: 03-2603 3999
E-mel	: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.

Tiada.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 27/05/2025.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Payor Waiver of Premium Rider

Ini adalah produk insurans

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Personal Accident Rider. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

Rider ini membatalkan semua premium masa depan untuk polisi sehingga tarikh matang atau semasa berlaku kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) (sebelum pencadang mencapai umur 65 tahun) atau pencadang diagnosis mana-mana satu Penyakit Kritikal yang dilindungi oleh rider ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kematian, HUMK dan Penyakit Kritikal pencadang - semua premium pelan asas masa depan akan dikecualikan.

Nota

- Perlindungan untuk Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan yang telah mencapai umur 65 tahun.
- Penyakit Kritikal yang dilindungi:

No.	Penyakit Kritikal	No.	Penyakit Kritikal
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2.	Sindrom Apallic (<i>iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan</i>)	26.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
3.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
4.	Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	28.	Hilang Keupayaan Bertutur
5.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6.	Pembedahan Otak	30.	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
7.	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31.	Penyakit Sistik Medular
8.	Kardiomiopati - keterukan tertentu	32.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	Sklerosis Multipel
10.	Hepatitis Autoimun Kronik	34.	Distrofi Otot
11.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	35.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
12.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	36.	Kelumpuhan Anggota
13.	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	37.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	38.	Poliomielitis
15.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
16.	Demam Hemorrhagic Ebola	40.	Skleroderma Progresif
17.	Elefantiasis	41.	Penyakit Arteri Koronari Serius
18.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	42.	Sindrom Eisenmenger Teruk
19.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	43.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	44.	Pembedahan Aorta
21.	AIDS Dengan Gejala Penuh	45.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
22.	Hepatitis Viral Fulminan	46.	Penyakit Terminal
23.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	47.	Kelecuman Tahap Ketiga - keterukan tertentu
24.	Pembedahan Injap Jantung		

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

Tempoh: <Tempoh> tahun.

3. Berapakah premium* yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium yang anda perlu bayar adalah:

RM	<Jumlah>	setiap tahun
RM	<Jumlah>	setiap setengah tahun
RM	<Jumlah>	setiap suku tahun
RM	<Jumlah>	setiap bulan
- Tempoh premium: <Tempoh> tahun

*** Sila rujuk ilustrasi jualan dalam muka surat 1 untuk anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.**

Catatan:

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas setiap tarikh genap tempoh premium. Premium harus dibayar sebelum tamat tempoh tersebut
- Premium adalah terjamin.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Payor Waiver of Premium Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari setelah polisi ini dihantar. Premium yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.
- Tempoh menunggu:- Kelayakan untuk manfaat-manfaat rider ini hanya akan bermula:
 - (i) 60 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius;
 - (ii) 30 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk penyakit kritikal lain yang dilindungi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Kematian
 - Bunuh diri semasa tahun pertama polisi; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
 - Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - Kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan yang dialami ketika melibatkan diri dalam pertandingan kepantasan dan ketahanan yang merbahaya;
 - Mana-mana aktiviti udara (kecuali mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah Syarikat Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk membawa penumpang menerusi jadual perjalanan komersil yang ditetapkan);
 - Pelayaran kapal selam;
 - Perkhidmatan ketenteraan, polis, tentera laut dan aeronautik;
 - Kemalangan yang berlaku atau hilang upaya yang timbul sebelum Tarikh Permulaan atau Pengembalian Semula perlindungan Polisi ini;
 - Rusuhan dan kekecohan awam, menyerang atau aktiviti-aktiviti penganas;
 - Pencabulan undang-undang atau tentangan semasa ditahan; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan akibat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

- Penyakit Kritikal
 - sebarang penyakit atau pembedahan melainkan diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal yang dinyatakan;
 - tanda atau simptom Penyakit Kritikal yang ditakrifkan telah ditunjuk sebelum atau semasa Tempoh Menunggu;
 - Keadaan sedia ada* seperti yang ditakrifkan. Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Pemilik Polisi mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Pemilik Polisi dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada jika:
 - (i) Pemilik Polisi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
 - (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
 - (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.
 - Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk meminta Pemilik Polisi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima sebarang tuntutan. Pengecualian akan diberi kepada Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, atau AIDS Dengan Gejala Penuh;
 - kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Pemilik Polisi mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
 - kecederaan diri yang disengajakan;
 - pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
 - Pemilik Polisi tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda boleh luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang akan banyak kurangnya daripada keseluruhan premium yang telah anda bayar.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua aktiviti surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd
(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Talian AM	: 03-2059 6188
Faks	: 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan	: 03-2603 3999
E-mel	: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.

Tiada.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN DIRI ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERTHUBUNG DENGAN PIHAK SYARIKAT SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 27/05/2025.